

KELANTAN HILANG \$1 JUTA SETAHUN

50 peratus tak bayar lesen radio

KOTA BHARU, Isnin — Pejabat Pelesenan Radio dan Televisyen Negeri Kelantan "kehilangan" hasil lebih \$1 juta setiap tahun berikutan 50 peratus daripada pemilik alat tersebut tidak membayar lesen.

Berita Harian difahamkan, lebih 70 peratus penduduk di Kelantan memiliki radio dan televisyen tetapi hanya 35 peratus yang membayar lesen.

Difahamkan juga Kelantan memungut hasil penjualan lesen radio dan televisyen paling rendah berbanding dengan negeri-negeri lain.

Pegawai Pelesenan Radio dan TV Negeri Encek Mohammad Adam menjelaskan, pihak berkuasa pegawai penguatkuasa undang-undang pemeriksaan.

Setakat ini, kata Pegawai Pelesenan Negeri Kelantan hanya mempunyai empat pegawai penguatkuasa.

Encek Mohammad berkata, pihaknya juga menghadapi beberapa masalah sewaktu menjalankan operasi, antaranya sistem perumahan di setengah-setengah tempat tidak teratur menyebabkan satu pegawai hanya mesyuarati rumah-rumah berkenaan.

Di samping itu, surat yang dikirim oleh pejabatnya kepada penduduk di setengah kampung tidak sampai.

"Kita kira 400 hingga 500 orang pemilik radio dan televisyen di Kelantan dihidangkan lesen, namun setiap tahun hanya tidak memiliki lesen," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia